

Ekuinas ambil alih 35% ekuiti Al-Ikhsan Sports

KUALA LUMPUR 26 Julai - Syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuiniti Nasional Bhd. (Ekuinas), memperoleh 35 peratus pegangan ekuiti dalam Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. pada RM68.6 juta.

Pelaburan dalam syarikat barang sukan bumiputera terkemuka negara itu menandakan penglibatan sulung Ekuinas dalam segmen peruncitan sukan, yang memperluaskan portfolio runcit syarikat menjangkaui perniagaan makanan dan minuman (F&B) pada masa ini.

"Industri peruncitan sukan Malaysia dijangka berkembang

pada kadar lapan peratus setahun dan bakal mencecah RM2 bilion pada 2020 di Malaysia sahaja, manakala di negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand, ia dijangka berkembang melebihi RM13 bilion dalam tempoh yang sama," kata Ekuinas dalam kenyataan hari ini.

Selaras dengan mandat untuk mewujudkan syarikat peneraju pasaran, Ekuinas berkata, ia merancang untuk menyokong usahawan bumiputera yang berkebolehan untuk mengembangkan perniagaannya ke pasaran baharu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, serta

pasaran serantau.

Termasuk pelaburan dalam sektor pembuatan di bawah Program Penyumberan Luar bernilai RM12 juta, Ekuinas telah membuat pelaburan dalam 36 syarikat di bawah pelaburan langsung dan penyumberan luar sejak ditubuhkan pada 2009.

Ekuinas baru-baru ini mengumumkan keputusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, yang menyaksikan Ekuinas mengekalkan Kadar pulangan Dalaman (IRR) melebihi sasaran minimum 12 peratus setahun bagi enam tahun berturut-turut. - BERNAMA